

## **Kod Tatakelakuan**

### **Piagam CSR Kumpulan Renesas Electronics**

Kumpulan Renesas Electronics akan menyumbang kepada kemajuan masyarakat yang lestari. Sebagai sebuah syarikat, kami akan menjalankan perniagaan yang membantu membina masa depan yang lebih baik bagi masyarakat di seluruh dunia dengan menyediakan produk semikonduktor unggul yang dikuasakan oleh teknologi canggih serta memberikan perkhidmatan pelanggan yang jujur dan ikhlas. Kami berikrar untuk menjalankan perniagaan kami dengan penuh integriti dan mematuhi kehendak undang-undang. Kami akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan serta memberikan manfaat kepada mereka berdasarkan prinsip panduan berikut:

#### **Tumpuan pelanggan**

Kami dengan pantas akan memberikan penyelesaian optimum dan berkualiti tinggi sebagai respon kepada keperluan pelanggan kami untuk memaksimumkan kepuasan pelanggan dan mendapatkan kepercayaan pelanggan kami.

#### **Amalan perniagaan yang baik**

Kami akan melaksanakan amalan perniagaan yang adil, beretika dan telus serta menyampaikan amalan ini kepada semua pihak berkepentingan kami. Di samping itu, kami akan memaksimumkan nilai korporat kami melalui amalan perniagaan yang membolehkan kami terus berkembang.

#### **Persekitaran kerja yang sihat**

Kami akan menghormati keperibadian individu pekerja kami. Kami akan mempromosikan persekitaran kerja yang bermanfaat, selamat, dan fleksibel di mana setiap orang dapat mempamerkan bakat dan kemampuan terbaiknya.

#### **Perspektif global**

Sebagai anggota komuniti global, kami akan menghormati sejarah, budaya, adat istiadat dan hak asasi setiap negara dan wilayah serta tidak akan mempraktikkan atau membenarkan sebarang buruh paksa atau pekerja kanak-kanak. Di samping itu, kami akan mempromosikan aktiviti yang menyumbang kepada penambahbaikan masyarakat global.

## **Mesra alam**

Kami berikrar untuk mengembangkan, mengeluarkan dan menjual produk semikonduktor yang menghormati alam sekitar dan kami akan berusaha untuk meminimumkan kesan persekitaran daripada produk kami sepanjang kitaran hayat produk. Kami juga akan mengambil bahagian dalam aktiviti yang bertujuan untuk mengharmonikan usaha manusia dan alam sekitar, meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu seperti perubahan iklim dan biodiversiti.

## **Kod Tatakelakuan**

Tujuan Tatakelakuan Kumpulan Renesas Electronics adalah untuk menyatakan piawaian yang harus dipatuhi oleh semua eksekutif dan pekerja Kumpulan Renesas Electronics untuk merealisasikan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Piagam Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan Renesas Electronics.

## **Bab 1: Peruntukan Am**

### **1. Matlamat Kod Tatakelakuan**

Matlamat Kod Tatakelakuan Kumpulan Renesas Electronics ( "Kod Tatakelakuan" ini ) adalah untuk menyatakan piawaian yang harus dipatuhi oleh semua eksekutif dan pekerja Kumpulan Renesas Electronics untuk merealisasikan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Piagam CSR Kumpulan Renesas Electronics ("CSR"). Kod Tatakelakuan ini menyatakan peraturan yang harus dipatuhi dalam menjalankan aktiviti perniagaan Renesas.

### **2. Kod Tatakelakuan**

#### **(1) Pematuhan dengan Kod Tatakelakuan**

Dalam menjalankan semua aspek kegiatan korporat Kumpulan Renesas Electronics, semua eksekutif dan pekerja harus bertindak sesuai dengan Kod Tatakelakuan ini, undang-undang dan peraturan serta semua peraturan dalaman syarikat di mana jua Renesas beroperasi. Pegawai eksekutif dan pengurusan mempunyai tanggungjawab khas untuk memberikan bimbingan dan pengawasan bagi memastikan pematuhan

terhadap Kod Tatakelakuan ini oleh pekerja bawahan mereka dan eksekutif dan pengurus harus memberikan contoh kepada pekerja di bawah seliaan mereka.

Sekiranya seorang eksekutif kepada pekerja menyedari masalah atau kemungkinan masalah semasa menjalankan aktiviti perniagaan, eksekutif dan pekerja yang bertanggungjawab mesti mengambil inisiatif dan sama ada menyelesaikan masalah tersebut (termasuk mengambil tindakan untuk mencegah masalah itu dari berulang) atau melaksanakan langkah-langkah pencegahan.

#### (2) Pembentukan peraturan dalaman syarikat yang diperlukan

Pengurus atau eksekutif yang bertanggungjawab untuk setiap bahagian / jabatan mesti mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan aktiviti korporat mematuhi Kod Tatakelakuan ini, termasuk menetapkan peraturan dalaman syarikat yang bersesuaian dengan Kod Tatakelakuan, memastikan pekerja dimaklumkan mengenai kepatuhan piawaian tertentu dan menawarkan nasihat serta panduan.

### 3. Tindakan pembetulan terhadap pelanggaran Kod Tatakelakuan

Sekiranya eksekutif atau pekerja menyedari aktiviti yang melanggar atau mungkin melanggar Kod Tatakelakuan ini atau undang-undang atau peraturan yang berlaku atau peraturan dalaman syarikat, maka beliau harus melaporkan kegiatan tersebut kepada penyelia, pengurusan bahagian / jabatan yang berkaitan dan / atau Talian Hotline Kumpulan Renesas Electronics. Dalam kes ini, kami akan berusaha untuk menjaga kerahsiaan pemberi maklumat, memastikan tiada nama pelapor dan melindungi individu tersebut dan mereka akan bebas dari sebarang keadaan merugikannya. Di samping itu, maklumat orang yang membuat laporan serta kandungan yang dilaporkan harus dikendalikan dengan sulit. Kumpulan Renesas Electronics akan memberitahu semua pekerja dan menjaga sistem pelaporan sehingga pemberi maklumat dapat melaporkan masalah tanpa rasa takut terhadap sebarang hukuman balas.

## **Bab 2: Memperoleh Kepercayaan Masyarakat Secara Berterusan**

Kumpulan Renesas Electronics akan bertindak dengan penuh integriti berdasarkan standard etika yang tinggi dan memastikan pematuhan

undang-undang di mana Kumpulan Elektronik Renesas beroperasi, untuk terus mendapatkan kepercayaan pihak berkepentingan Renesas.

### 1. Komunikasi dengan pihak berkepentingan

(1) Kami akan mendedahkan maklumat korporat yang tepat Kumpulan Renesas Electronics termasuk polisi, penyata kewangan, aktiviti operasi, aktiviti CSR dan lain-lain, pada waktu yang tepat dan untuk menjaga akauntabiliti korporat.

(2) Kami dengan rendah hati akan memberi maklum balas pihak berkepentingan kami dan akan berusaha bertindak terhadap maklum balas yang diterima sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkepentingan tersebut.

### 2. Menyumbang kepada keharmonian antara masyarakat dan persekitaran

(1) Kami akan memberikan sumbangan kepada masyarakat dan akan menggabungkan pertimbangan persekitaran ke dalam setiap kitaran produk termasuk penyelidikan dan pembangunan, rekabentuk, perolehan, pengeluaran, penjualan, logistic, penggunaan dan pelupusan.

(2) Kami akan berusaha mencegah pencemaran serta meminimumkan kesan produk dan operasi kami terhadap alam sekitar. Apabila masalah persekitaran timbul, kami akan mengambil langkah yang sesuai untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan akan mendedahkan maklumat yang tepat dan perlu.

(3) Kami akan mendedahkan maklumat persekitaran kepada pihak berkepentingan kami dan mempromosikan komunikasi dengan masyarakat untuk kefahaman bersama.

### 3. Tiada buruh paksaan / kanak-kanak

(1) Kami akan mengajikan semua pekerja secara sukarela dan tidak akan mengamalkan atau bertolak ansur dengan buruh paksa. Di samping itu, kami menetapkan waktu kerja yang bersesuaian dan memberikan upah serta faedah yang adil kepada pekerja kami, berdasarkan undang-undang setiap negara tempat kami beroperasi.

(2) Kami akan mematuhi undang-undang dan peraturan setiap negara tempat kami beroperasi dan tidak akan menggunakan pekerja kanak-kanak. Istilah "kanak-kanak" merujuk kepada orang yang lebih muda dari usia minimum yang dibenarkan untuk bekerja berpandukan undang-undang di mana Renesas beroperasi.

(3) Kami secara berkala melakukan pemeriksaan sendiri seperti tinjauan dan penyiasatan mengenai buruh paksa kanak-kanak bagi mengesahkan operasi kami tidak menyalahi undang-undang atau tidak bersesuaian.

#### 4. Tidak ada hubungan dengan kumpulan anti-sosial

(1) Kami mengambil sikap tegas terhadap kumpulan anti-sosial dan organisasi lain yang mengancam ketenteraman dan keselamatan masyarakat sivil dan kami tidak akan mengadakan hubungan apa pun dengan kelompok-kelompok tersebut.

(2) Kami tidak akan mengambil tindakan yang dapat mendorong kelompok anti-sosial dan organisasi lain, seperti menawarkan manfaat ekonomi kepada mereka.

#### 5. Derma dan sumbangan politik

(1) Kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan dalaman syarikat yang berkaitan dengan pemberian derma dan kami akan mempertimbangkan dengan hati-hati mengenai keperluan dan kesesuaian setiap derma yang diusulkan.

(2) Kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan dalaman syarikat yang berkaitan dengan sumbangan politik, pemilihan dan kegiatan politik serta hanya akan menyertai kegiatan tersebut; termasuk membuat sumbangan, sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang.

(3) Kami akan mendedahkan jumlah derma atau sumbangan politik jika kami perlu berbuat demikian.

### **Bab 3: Untuk Aktiviti Operasi yang Ikhlas dan Adil**

Kumpulan Renesas Electronics akan berusaha untuk mencapai kualiti yang lebih tinggi terhadap semua produk dan perkhidmatan kumpulan kami untuk memastikan kepuasan dan kebolehpercayaan berterusan pelanggan kami. Kami juga akan mengejar tahap keselamatan yang lebih tinggi bagi mematuhi semua undang-undang dan piawaian keselamatan.

Kumpulan Renesas Electronics juga akan menjalankan semua kegiatan korporat dengan adil dan wajar, mematuhi Undang-undang

Anti-Monopoli dan semua undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti operasi kami.

### 1. Menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat, boleh dipercayai, dan berkualiti tinggi

(1) Kami akan memberikan produk dan perkhidmatan dengan penuh pertimbangan terhadap keselamatan, kebolehpercayaan dan kualitinya. Produk dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelanggan mesti memenuhi semua piawaian keselamatan dan kualiti produk serta mematuhi peraturan dalaman syarikat yang ditetapkan.

(2) Kami akan berusaha untuk memberikan pelanggan semua informasi relevan yang diperlukan untuk menggunakan dan mengendalikan produk dan perkhidmatan kami dengan selamat dan yakin (contohnya spesifikasi produk, syarat penggunaan dan persekitaran penggunaan yang betul dll.)

(3) Jika masalah keselamatan atau kualiti terjadi pada produk atau perkhidmatan Renesas, kami akan segera mengenalpasti penyebabnya, mengambil langkah-langkah pembetulan dan mengambil tindakan untuk mencegah daripada berulang.

### 2. Memastikan kontrak disempurnakan

(1) Semasa memulakan urusan perniagaan, kami akan mempertimbangkan isi kontrak dengan teliti dan memuktamadkan kontrak yang sah dan adil. Kami akan melaksanakan kontrak yang telah ditandatangani dengan telus.

(2) Ketika memuktamadkan kontrak, kami akan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam peraturan dalaman syarikat.

### 3. Persaingan yang Adil

(1) Kami tidak akan mengambil tindakan seperti membuat kontrak atau perjanjian atau yang berkaitan yang menghadkan harga, penjualan, kuantiti, teknologi, produk, peralatan, pelanggan, dll. Kami tidak akan bertindak dengan cara apa pun yang dapat ditafsirkan sebagai membentuk atau menyertai sebarang kartel.

(2) Kami tidak akan menyertai perhimpunan atau perbualan (termasuk acara golf atau sosial), rasmi atau tidak rasmi, dengan pesaing yang dapat ditafsirkan sebagai usaha untuk menyekat persaingan kecuali dengan alasan yang munasabah. Kami tidak akan

menukar atau menerima maklumat persaingan yang terlarang melalui perbualan sosial, panggilan telefon, atau e-mel, terutama berkenaan dengan hal-hal yang disebut dalam 3 (1) di atas.

(3) Kami tidak akan bertindak dengan cara apa pun yang dapat ditafsirkan sebagai menyekat persaingan bebas dan adil seperti mengecualikan atau mengendalikan kegiatan perniagaan syarikat lain atau menghalang pendaatang baru ke kawasan perniagaan tempat kami beroperasi.

#### 4. Hubungan yang sesuai dan hubungan yang adil dengan rakan jualan

(1) Kami akan berusaha untuk mewujudkan hubungan yang adil dan saksama dengan rakan jualan.

(2) Kami tidak akan melakukan transaksi yang tidak adil atau berat sebelah dengan rakan jualan sehingga mengganggu perniagaan mereka secara tidak adil (cth. Sekatan pada harga jualan semula, pelanggan, kaedah pemasaran, dll.), mengecualikan kegiatan perniagaan mereka dan diskriminasi yang tidak adil, memberi tekanan untuk penjualan yang tinggi, mengawal harga jualan semula dll.

#### 5. Proses pembelian yang adil dari pembekal

(1) Kami akan memperlakukan semua pembekal secara adil dan memilihnya untuk urusan perniagaan berdasarkan perbandingan dan penilaian yang wajar.

(2) Ketika kami berurusan dengan pembekal, kami tidak akan melakukan aktiviti yang tidak adil atau saksama seperti mengecualikan aktiviti perniagaan mereka atau menyalahgunakan kedudukan yang dominan ( misalnya sekatan yang tidak adil terhadap kegiatan perniagaan, memaksa urusan bersama, menunda pembayaran subkontrak, mengembalikan barang secara tidak masuk akal, menuntut pengurangan harga yang tidak adil, dan lain-lain).

#### 6. Mematuhi undang-undang import dan eksport

Sebagai anggota masyarakat global, ketika kami mengimport atau mengeksport produk, teknologi, perkhidmatan, dll., kami akan berusaha untuk menjaga keselamatan dan keamanan antarabangsa, akan mematuhi semua undang-undang domestik dan

antarabangsa serta peraturan dalaman syarikat yang berkaitan dengan aktiviti import dan eksport.

## 7. Pengiklanan dan perhubungan awam

(1) Kami tidak akan membuat pernyataan atau petunjuk palsu mengenai kualiti, prestasi, spesifikasi, tempat pembuatan atau cara pembuatan produk dan perkhidmatan kami, syarat untuk melakukan transaksi dalam kegiatan penjualan kami seperti periklanan dan hubungan masyarakat dan kami juga tidak akan membuat pernyataan atau petunjuk yang boleh mengelirukan pelanggan.

(2) Kami tidak akan membuat pernyataan atau petunjuk yang memfitnah pihak ketiga.

## 8. Menghormati hak harta intelek dan kerahsiaan pihak ketiga

(1) Kami akan menghormati hak paten, hak model utiliti, hak paten rekabentuk, tanda dagang, hak cipta, hak kerja litup, rahsia perdagangan dan hak harta intelek lain yang dimiliki oleh pihak ketiga. Kami tidak akan secara sengaja melanggar atau menggunakan harta intelek pihak ketiga secara haram.

(2) Kami akan berusaha untuk menguruskan penggunaan Internet dan perisian untuk mencegah pelanggaran hak cipta pihak ketiga serta penyalinan, pemasangan dan penggunaan perisian yang melanggar syarat-syarat perlesenan.

(3) Kami tidak akan mengakses atau memperoleh maklumat sulit yang dimiliki oleh pihak ketiga melalui cara yang tidak sah. Kami akan menguruskan maklumat sulit pihak ketiga dengan berhati-hati sesuai dengan perjanjian tidak mendedahkan maklumat dan kontrak lain dan tidak akan menggunakan maklumat sulit pihak ketiga secara tidak betul.

(4) Kami akan mengumpulkan, menggunakan dan mengelola maklumat peribadi dengan sulit dan berpandukan undang-undang yang ditetapkan serta peraturan dalaman syarikat.

(5) Kami tidak akan mengakses rangkaian komputer yang diuruskan oleh pihak ketiga secara tidak sah.

## 9. Larangan hiburan dan pertukaran hadiah secara tidak sah



- (1) Kami akan melakukan pertukaran hadiah dan hiburan antara Kumpulan Renesas Electronics dan rakan dagang, dll. bersesuaian dengan undang-undang yang termaktub serta sesuai dengan peraturan dalaman syarikat. Kami tidak akan bertindak dengan cara yang menyimpang dari amalan perniagaan yang betul atau yang melanggar norma sosial.
- (2) Kami tidak akan bertindak dengan cara apa pun yang dapat ditafsirkan sebagai menawarkan wang atau manfaat apa pun kepada pegawai kerajaan atau orang lain dengan tujuan untuk memperoleh keuntungan perniagaan yang tidak adil atau menyalahi undang-undang.
- (3) Kami tidak akan bertindak dengan cara apa pun yang dapat ditafsirkan sebagai rasuah termasuk pembayaran fasilitasi atau menawarkan / menjanjikan / memberikan keuntungan dan / atau manfaat kepada pejabat kerajaan asing seperti pegawai kerajaan asing, organisasi kerajaan serantau atau organisasi antarabangsa dengan tujuan mendapatkan keuntungan perniagaan yang tidak adil atau menyalahi undang-undang.

#### **Bab 4: Untuk Semua Orang Bekerja dengan Bersemangat**

Kumpulan Renesas Electronics akan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan pekerjaan dan berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di mana pekerja dapat menerapkan bakat dan kemampuan mereka. Sebagai tambahan, Kumpulan Renesas Electronics mengharapkan setiap eksekutif dan pekerja untuk berkomunikasi dengan telus dan hormat dalam usaha mencapai persefahaman.

##### **1. Menghormati hak asasi manusia dan larangan diskriminasi dan gangguan seksual**

(1) Kami menghormati hak asasi manusia dan kami tidak akan membezakan atau membuat komen yang diskriminasi berdasarkan bangsa, kepercayaan, jantina, usia, status sosial, asal usul, kewarganegaraan, etnik, agama, kecacatan, orientasi seksual, identiti jantina dll. Selain itu, kami menghormati kebebasan berserikat dan hak tawar-menawar kolektif dan kami tidak melakukan diskriminasi secara haram atau tidak wajar berdasarkan pekerjaan atau jawatan.

(2) Kami tidak akan bertolak ansur dengan tindakan yang merusak martabat individu seperti gangguan seksual.

(3) Setelah mengetahui tingkah laku diskriminasi, gangguan, dan lain-lain, pengurusan Kumpulan Renesas Electronics mesti mengambil tindakan pembetulan yang tepat dan memastikan bahawa kawalan dalaman dilaksanakan agar perkara yang sama tidak akan berulang.

## 2. Perlindungan privasi

(1) Kami akan mengurus maklumat peribadi pekerja dan orang lain yang diperolehi oleh Kumpulan Renesas Electronics sesuai dengan tuntutan undang-undang.

(2) Kecuali jika diizinkan atau dibolehkan oleh undang-undang, kami tidak akan mendedahkan maklumat peribadi pekerja dan orang lain yang disimpan oleh Kumpulan Renesas Electronics tanpa persetujuan orang berkenaan. Dalam kes di mana perlu untuk mendedahkan maklumat tersebut, kami akan melakukannya dengan berhati-hati, dengan mempertimbangkan sepenuhnya isu-isu seperti tujuan, keperluan, dan sejauh mana pendedahan tersebut.

## 3. Pemeliharaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Kami akan sentiasa menjaga persekitaran kerja yang selamat dan sihat, baik dari segi fizikal dan mental, untuk semua individu yang bekerja di Kumpulan Renesas Electronics. Sekiranya kemalangan berlaku di tempat kerja, kami akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kerosakan dan mencegah kejadian itu berulang.

## 4. Meningkatkan prestasi individu

Kami akan berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan prestasi individu kami bagi memaksimumkan kecekapan kami. Di samping itu, setiap pegawai eksekutif dan pengurusan akan memberikan pengurusan, bimbingan dan latihan yang adil dan sesuai kepada pekerja bawahannya untuk mengembangkan kompetensi pekerja selain mereka.

## **Bab 5: Menjadi Peniaga dengan Baik**

Kumpulan Renesas Electronics mengharapkan para eksekutif dan pekerja untuk selalu mempertimbangkan reputasi dan imej

Kumpulan dan untuk mengurus dan melindungi semua aset nyata dan tidak nyata Kumpulan.

#### 1. Dedikasi terhadap kerja

Kami akan membezakan antara pekerjaan dan kehidupan peribadi dan berdedikasi untuk bekerja semasa kami bertugas.

#### 2. Larangan konflik kepentingan

(1) Kami akan berusaha untuk bertindak dan menjalankan pertimbangan kami agar dapat memberi manfaat kepada Kumpulan Renesas Electronics.

(2) Kami tidak akan bertindak terhadap syarikat atau pihak ketiga yang bersaing terhadap kepentingan Kumpulan atau dengan cara yang dapat ditafsirkan sebagai tindakan yang bertentangan dengan kepentingan Kumpulan.

#### 3. Larangan perdagangan dalaman

Kami tidak akan memperdagangkan saham atau sekuriti lain berdasarkan maklumat bukan awam yang material. Di samping itu, kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat bukan awam yang penting kepada keluarga, kenalan, dll.

#### 4. Larangan untuk menerima keuntungan peribadi

Kami tidak akan mendapat kelebihan atau keuntungan peribadi daripada pelanggan, pembeli atau pembekal kami dengan memanfaatkan kedudukan kami.

#### 5. Maklumat Sulit

(1) Kami akan menguruskan maklumat sulit Renesas dengan berhati-hati dan kami tidak akan mendedahkan maklumat tersebut tanpa mengikuti prosedur yang ditentukan dalam peraturan dalaman syarikat walaupun setelah bersara dari atau meninggalkan Kumpulan Renesas Electronics.

(2) Kami tidak akan menggunakan maklumat sulit Renesas secara tidak adil atau tidak tepat pada bila-bila masa, walaupun setelah bersara atau meninggalkan Kumpulan Renesas Electronics.

## 6. Rekod / Laporan operasi yang tepat dan pengurusan akaun yang sesuai

(1) Kami akan merekod dan melaporkan maklumat mengenai urusan kewangan Kumpulan Renesas Electronics dan segala kegiatan perniagaan dengan benar, menyeluruh dan tepat. Kami tidak akan merekod atau melaporkan maklumat palsu atau yang telah diubah suai.

(2) Kami akan melakukan pengurusan akaun berdasarkan prinsip dan piawaian perakaunan yang diterima umum dan mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman syarikat.

## 7. Pengurusan harta intelek dengan baik

(1) Kami akan memelihara dan melindungi paten, model utiliti, paten reka bentuk, tanda dagang, hak cipta, hak kerja litup, rahsia perdagangan dan hak harta intelek lain yang dipegang oleh Kumpulan Renesas Electronics dan akan mengikuti prosedur yang ditentukan dalam peraturan dalaman syarikat ketika menurunkan hak atau memindahkan hak-hak ini kepada orang lain.

(2) Kami akan mengurus dan menggunakan logo tanda dagang Kumpulan Renesas Electronics (Logo Renesas) dengan tepat bersesuaian dengan peraturan dalaman syarikat.

## 8. Penggunaan aset Kumpulan Renesas Electronics dengan baik

Kami tidak akan menggunakan atau mengalihkan aset Kumpulan Renesas Electronics seperti kemudahan, bahan, peralatan, wang tunai, dan maklumat untuk tujuan peribadi atau tujuan lain selain yang berkaitan dengan perniagaan Renesas. Kami akan menguruskan aset Kumpulan dengan betul untuk mencegah kejadian kehilangan, rompakan, kebocoran, dan penggunaan yang tidak sah.

## 9. Penggunaan sistem berkaitan maklumat yang tepat

(1) Kami akan menggunakan dan mengurus sistem informasi dan jaringan komputer dengan tepat ("Sistem Berkaitan Maklumat") sesuai dengan undang-undang dan peraturan dalaman syarikat. Kami tidak akan menggunakan Sistem Berkaitan Maklumat untuk tujuan yang tidak adil atau tidak sesuai atau mengaksesnya dengan cara yang tidak adil atau tidak sesuai.

(2) Kami akan menggunakan Sistem Berkaitan Maklumat untuk tujuan kerja, dan kami tidak akan menggunakannya untuk tujuan peribadi.

(3) Kami akan menerapkan langkah-langkah keselamatan yang diperlukan untuk melindungi Sistem Berkaitan Maklumat dari virus komputer serta kebocoran maklumat dan kegagalan sistem maklumat yang disebabkan oleh akses yang tidak sah, dll.